

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN V. SIVAKUMAR [
BATU GAJAH]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negeri di bawah tajaan JPA. Nyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk tujuan ini setiap tahun bagi 5 tahun yang lalu serta komposisi pelajar berdasarkan kaum yang telah diberi peluang tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah seramai 3,146 orang bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016 di bawah Program Biasiswa Nasional , Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Jerman dan Perancis dan Program Lepasan Bursary. Daripada jumlah tersebut, 1,119 (35.57%) orang adalah pelajar bumiputera manakala 2,027 (64.43%) orang adalah pelajar bukan bumiputera. Manakala, peruntukan kos penajaan bagi seorang pelajar tajaan luar negara adalah antara RM38,115 hingga RM277,515 mengikut negara dan bidang pengajian.

Sekian, terima kasih.